

CNS2181
U GB 16-12 00200 BA128
bah

Mahathir - Raja
CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN BUKAN BERNIAT HAPUSKAN SISTEM BERAJA

JOHOR BAHRU, 16 Dis. (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa cadangan untuk meminda perlembagaan bukan berniat untuk menghapuskan sistem beraja di negara ini.

Perdana Menteri berkata, raja akan kekal tetapi kekebalan yang ada pada raja akan dihapuskan untuk menyelamatkan rakyat daripada tindakan yang tidak bertanggungjawab dengan menyalahgunakan kuasa.

+Saya berharap langkah yang kita ambil ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak. Tidak ada niat untuk menghapuskan sistem raja. Ini pendirian UMNO daripada awal lagi bahawa kita hendak sistem beraja kerana itu merupakan identiti orang Melayu... kebudayaan kita,+ tegas Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO.

+Kita tak hendak gugurkan kebudayaan kita sehingga kita tidak tentu arah dan tidak tahu kita siapa. Tetapi yang kita hendak ialah sistem beraja yang membawa manfaat kepada raja dan rakyat dan ini boleh kita dapat,+ katanya ketika berucap kepada kira-kira 1,000 orang pemimpin UMNO dari semua 18 bahagian di Johor di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana di sini.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira dua jam dengan badan perhubungan UMNO Johor. -- Lagi.

▼16/12/19-50MST

CNS2183
U GB 16-12 00205 BA129
bah

Mahathir - Raja 2 Johor Baharu

UMNO membuat pendirian ini bukan kerana hendak menghapuskan raja tetapi ada kuasa yang sudah disalahgunakan dan kuasa itu sahaja yang hendak dilucutkan, iaitu kekebalan terhadap undang-undang negara, kata beliau.

+Kalau kita tidak sanggup menegur apabila perbuatan itu salah, kitalah yang salah,+ tambahnya.

Perdana Menteri berkata, daripada segi agama Islam pun sudah dijelaskan bahawa tidak harus ada kekebalan kerana dalam Islam semua tertakluk kepada undang-undang dan tidak ada seseorang yang lebih daripada yang lain.

+Tidak disebut bahawa raja boleh lebih daripada rakyat. Jadi, daripada segi agama juga sudah tepat dan daripada segi moral manusia, memang di mana-mana pun kita berkata semuanya tertakluk kepada undang-undang.

+Walaupun dia Perdana Menteri, kalau dia buat yang tidak baik, dia akan dikenakan tindakan undang-undang. Begitu juga menteri. Kita tahu di Malaysia, sudah beberapa orang Menteri dibawa ke mahkamah dan dihukum kalau dia buat salah.

+Inilah keadaan dalam negara kita dan kita harus kekalkannya dan memberi makna perlindungan undang-undang kepada semua pihak dan memberi makna kepada kata-kata bahawa tidak sesiapa yang mengatasi undang-undang,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun dilucutkan kekebalan itu, ia tidak bermakna bahawa raja tidak menjadi raja. -- Lagi.

▼16/12/19-53MST

bah

Mahathir - Raja 3 Johor Baharu

Perdana Menteri memberi contoh bahawa Ratu England yang kuasanya jauh lebih kurang daripada Raja-raja di Malaysia kena juga membayar cukai pendapatan dan sebagainya tetapi masih Raja juga.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, Raja dan sistem beraja akan kekal walaupun kerajaan membuat pindaan pada persidangan Parlimen pada 18 dan 19 Jan ini supaya Raja tidak lagi kebal.

+Bukan dengan menghapuskan kekebalan itu kita tidak lagi menghormati Raja-raja. Kita akan hormat Raja-raja sebagai Raja. Tetapi kalau dia umpamanya, tempeleng kita, kita ada tempat untuk mengadu. Itu yang hendak dipinda ... jadi tidak menjadi masalah dan saya berharap pihak Raja-raja akan mempersetujui,+ kata beliau.

+Memang benar ada yang berpendapat bahawa perkara itu hanya berlaku di Johor sahaja, maka betulkan di Johor sahajalah, tetapi bolehkah kita adakan undang-undang seperti ini hanya untuk Johor,? tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, undang-undang itu kenalah sama dan yang hendak dipinda undang-undang itu untuk semua dan berharap pihak Raja-raja akan menerima pindaan itu kerana Raja-raja tidak akan melakukan perkara yang salah dan jika tidak mahu melakukan benda yang salah apa perlunya kekebalan. -- Lagi

▼16/12/20-48MST

bah

Mahathir - Raja 4 Johor Baharu

+Kita tak buat benda yang salah. Apa kita hendak kebal ... tak payahlah kebal. Yang kita hendak ambil itu benda yang tidak digunakan bukannya hendak mengambil yang digunakan,+ kata Dr Mahathir.

Semua orang tahu bahawa perkara yang berlaku sekarang bukan berlaku kali ini sahaja, kata Perdana Menteri, sambil menambah kata: +Tetapi saya sendiri mengaku saya bersalah kerana apabila berlaku dulu, saya tidak mengambil tindakan yang berkesan. Mungkin secara nak nasihat ... sudah dicuba tetapi tidak berkesan.+

Dr Mahathir berkata, beliau menganggap itu satu kesalahan yang dilakukan oleh beliau sendiri dan dalam perkara ini, tidak boleh menyalahkan orang lain, kerana +kita mempunyai tempat, kedudukan dan kuasa dan tidak menggunakan kuasa itu ...+

+Sebab itu kita dapati pihak pegawai, apabila disuruh membuat sesuatu yang sepatutnya tidak dibuat, melakukannya kerana tidak mendapat perlindungan daripada orang yang lebih berkuasa. Kalau dia tak buat, mungkin disalahkan dan dalam keadaan ini, kalau orang yang betul-betul diletakkan ditempat yang berkuasa tidak mempunyai pendirian yang tegas, kita tak mungkin pegawai rendah mengadakan pendirian yang tegas,+ katanya.

Perdana Menteri berkata: +Jadi salah, salah kita. Saya berasa amat bersalah. Sebab itu saya terpaksa membuat kenyataan untuk memberi perlindungan kepada rakyat.+ -- Lagi

▼16/12/21-01MST

U GB 16-12 00172BB264

bah

Mahathir - Raja 5 Johor Baharu

Dr. Mahathir menegaskan bahawa sebabnya perkara seperti itu berlaku berkali-kali ialah kerana pihak yang mempunyai kuasa tidak membuat kenyataan bahawa itu tidak boleh dibenarkan.

Masalah ini wujud kerana, sebagai orang Melayu, orang Melayu tidak suka mengadakan perhubungan tidak baik sesama sendiri dan tidak suka mengadakan perhubungan tidak baik dengan Raja sendiri.

+Tetapi kalau salah, terpaksa juga kita katakan salah. Kita tahan tidak kata berkali-kali tetapi satu hari kena kata juga . . . kena nyatakan ini salah. Kalau kena marah, marahlah. Ini risiko dan kalau tidak tak usah jadi Perdana Menteri lah . . . +kata Dr. Mahathir, yang disambut gelak ketawa dan tepukan gemuruh hadirin. . .

Menurutnya, orang Melayu tidak mahu keadaan bergolakterus selaluan seperti pepatah Melayu +menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus tepung tak berselera+.

+Tetapi, Insya Allah dengan sokongan bulat daripada rakyat, saya yakin Raja akan menghormati kehendak rakyat, +tegasnya.

Dr. Mahathir juga menyentuh secara panjang lebar mengenai sejarah Raja-raja di Eropah. -- Lagi

16/12/21-06MST

CNS2258

U GB 16-12 00137 BB265

b a h

Mahathir - Raja 6 (Akhir) Johor Baharu

Dr. Mahathir berkata, perjumpaan kali ini bukan dirancang kerana peristiwa yang sedang bergelora sekarang, tetapi telah lama dirancang dan secara beketulan terpaksa menghadiri majlis anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Johor di sini malam ini.

Beliau mengingatkan semua pihak dalam UMNO betapa pentingnya mereka mempunyai pendirian yang sama menyokong 100 peratus apa yang dibuat oleh UMNO Johor.

+Sama-samalah kita berjuang untuk kebaikan Raja dan Malaysia, yang hari ini terkenal sebagai negara yang cukup aman. Dalam dunia ini, tidak ada negara yang aman seperti Malaysia walaupun dengan mempunyai pelbagai keturunan dan agama, +tegasnya.

Perdana Menteri berkata bahawa menerusi keamanan itu, negara terus membangun dan memperolehi banyak nikmat, serta kejayaan boleh dicapai jika semua orang bersatu hati. -- Bernama